

12 AUG 2002

Abdullah-Biodiversiti

KEKAYAAN ALAM NEGARA PERLU DIPERALATKAN, KATA ABDULLAH

KOTA KINABALU, 12 Ogos (Bernama) -- Kepelbagaian hidupan dan tumbuhan (biodiversiti) di negara ini perlu diperalatkan untuk menjana kekayaan bentuk baru, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Dengan menggunakan bioteknologi yang kita kuasai, kita (boleh) menggunakannya untuk membina kekayaan baru daripada kepelbagaian bio yang kita ada di negara ini," katanya pada Perhimpunan Perdana Siswa Institut Pengajian Tinggi Sabah 2002 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Perhimpunan itu dihadiri oleh lebih 3,500 orang penuntut institusi pengajian tinggi di sini seperti UMS, Stamford College, Inti College, Universiti Teknologi Mara, Maktab Perguruan Gaya, Politeknik Kota Kinabalu, Kolej Ibu Kota Kota Kinabalu dan Kolej Komuniti Yayasan Sabah.

Kepelbagaian bio yang dinikmati oleh Malaysia boleh menjadi sumber pendapatan dan kekayaan baru terutamanya bagi mereka yang hidup di luar bandar, katanya.

Abdullah berkata bioteknologi juga merupakan alat untuk memodenkan sektor pertanian di samping mampu mempertingkatkan peluang pekerjaan dan penciptaan produk-produk terbaru melalui pembangunan dan penyelidikan.

Abdullah berkata Malaysia kini mempunyai masyarakat saintis dan ahli teknologi yang terdiri daripada anak-anak tempatan jika dibandingkan dalam 20 hingga 30 tahun dahulu di mana jumlahnya terlalu kecil untuk digolongkan sebagai masyarakat saintis dan ahli teknologi Bumiputera.

Bagaimanapun sekarang hasil daripada dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan terutamanya dalam bidang pendidikan, saiz masyarakat saintis dan ahli teknologi ini semakin membesar, katanya.

Bahkan kini Universiti Putra Malaysia telah menawarkan kursus-kursus di dalam bidang bioteknologi sebagai salah satu daripada bidang-bidang yang ditawarkan kepada para penuntut, kata Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata bioteknologi adalah satu bidang lanjutan yang begitu penting di mana ada sesetengah ahli fikir yang berkata bahawa ia akan lebih berpengaruh daripada teknologi komunikasi dan maklumat pada masa akan datang.

Dalam ucapannya, Abdullah juga mengingatkan pelajar supaya tidak berperasaan rendah diri tetapi perlu mempunyai keyakinan diri dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi.

Beliau berkata keyakinan diri sangat penting dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin yang telah membuktikan bahawa dengan keyakinan tinggi bahawa Malaysia boleh untuk membangun setara dengan negara-negara maju lain.

Sekarang apabila ada pemimpin atau pelancong yang melawat Malaysia, ada kalangan mereka menyifatkan Malaysia bukan lagi sebuah negara membangun dengan kemudahan prasarananya yang canggih, katanya.

Abdullah juga memberi contoh mengenai kebolehan syarikat-syarikat pembinaan tempatan yang kini berjaya mendapat kontrak membina jalan raya di luar negara setelah berjaya membina rangkaian lebuhraya termasuk yang bertingkat di negara ini setelah mereka mempelajari teknologi pembinaan dari Korea Selatan dan Jepun.

Semasa sesi soal jawab selepas itu, Abdullah telah mengingatkan bahawa tidak ada negara yang berani menjamin mereka yang berkelulusan universiti akan mendapat peluang pekerjaan dengan mudah.

Abdullah berkata demikian apabila seorang wakil mahasiswa UMS yang

melahirkan kerisauan beliau mengenai kadar pengangguran yang tinggi di kalangan graduan.

Bagaimanapun, beliau berkata para graduan perlulah "celik akal" dan "celik hati" untuk mencari peluang pekerjaan sementara pelajaran hanyalah untuk membantu mereka dalam proses mencari kerja.

Abdullah berkata seseorang mungkin melihat sebatang pohon kelapa tua sebagai peluang untuknya menambah pendapatan kerana batang kelapa boleh dibuat beratus batang tongkat untuk dijual sementara seseorang itu mungkin melihat pokok kelapa itu hanya sesuai untuk dibuat titi dan dia tidak mendapat apa-apa pendapatan.

-- BERNAMA

MK MK MOZ